

12/09/1999

Bunuh orang politik bukan budaya Malaysia (HL)

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bukan menjadi budaya rakyat negara ini untuk membunuh orang yang sedang dibicarakan di mahkamah kerana fahaman politiknya.

Perdana Menteri berkata, setakat ini tidak ada orang dibunuh kerana fahaman politik mereka dan beliau hairan mengapa pihak terbabit mengambil masa 14 hari untuk mengemukakan laporan itu kepada mahkamah.

"Kalau seseorang itu diracun, saya percaya dia akan tergesa-gesa lari ke hospital untuk mengubatnya. Tetapi mereka nampak bersedia tunggu sehingga 14 hari, barulah hendak beritahu dan hendak mendapat pengesahan bahawa mereka telah diracun.

"Kalau racun itu hendak bunuh kita, saya ingat kena racun saja hari ini juga kita akan ke hospital untuk memasukkan ubat antiracun dan sebagainya untuk mengeluarkan racun," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan tengah hari bersama Perdana Menteri anjuran Barisan Nasional Wilayah Persekutuan, di sini semalam.

Beliau mengulas tuduhan Presiden Parti Keadilan Nasional, Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, bahawa ada cubaan untuk meracuni suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mahkamah Tinggi di sini kelmarin menengguhkan perbicaraan kes liwat bekas Timbalan Perdana Menteri itu bagi membolehkannya menjalani pemeriksaan perubatan selepas peguam belanya, Karpal Singh mendakwa Anwar mengalami keracunan arsenik. Berikutan dakwaan itu, kerajaan mengarahkan sebuah pasukan khas ditubuh bagi menyiasat tuduhan Dr Wan Azizah.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, malam kelmarin berkata, pihaknya menganggap tuduhan itu amat berat dan perlu ditangani segera.

Dr Mahathir berkata, ini adalah kali pertama orang membuat tuduhan bahawa kerajaan cuba membunuh seseorang.

Ditanya bagaimana air kencing berkenaan boleh dibawa keluar untuk diuji, Perdana Menteri berkata, itu kena tanya mereka yang bawa.

"Saya tidak tahu... mungkin air kencing orang lain, mungkin juga ketika Anwar makan di mahkamah dan di penjara. Macam-macam orang beri (Anwar) makan," katanya sambil menambah tidak ada orang dalam perbicaraan mendapat layanan seperti Anwar.

Perdana Menteri berkata, tidak ada orang yang sedang dibicarakan boleh makan dalam mahkamah tetapi Anwar boleh, malah boleh bercakap dengan wartawan, termasuk wartawan asing.

Ditanya mengapa perkara itu berlaku, Dr Mahathir berkata, barangkali mereka takut dunia nanti kata kita tidak adil dan tekan orang yang sedang dibicarakan.

"Tahulah ada pemberita asing dan mereka meminta pertolongan orang asing untuk tolong mereka. Mereka sentiasa memburukkan negara kita, negara mereka sendiri.

"Kepada orang asing diceritakan yang bukan-bukan," katanya.

(END)